

900 meriahkan pelancaran Liga Sukan Staf UMS

WB 21-7-2018 A12

KOTA KINABALU: Pelancaran Liga Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) dimeriahkan dengan kehadiran kira-kira 900 kakitangan institusi pengajian tinggi itu di Kompleks Sukan UMS pada Jumaat.

Liga sukan itu yang mempertandingkan lapan acara sukan dan akan berlangsung kira-kira dua bulan itu disertai 17 kontinjen.

Sukan yang dipertandingkan adalah futsal, bola tampar, takraw, tenis, ping pong, dart, catur dan Amazing Race.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof Dr Ismail Ali mewakili Naib Canselor, Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin melancarkan sukan itu yang dijadualkan berlangsung hingga September 2018.

Kamarudin dalam ucapan yang disampaikan Ismail berkata, sukan memberi impak positif yang besar kerana ianya adalah mengenai kecergasan dan kesihatan iaitu perkara yang berkait rapat dengan produktiviti serta darjah kegembiraan warga staf.

Sebab itu katanya, walaupun ada kekangan kewangan, program sukan mesti diadakan dan dijadikan acara tahunan.

Katanya, bagi menjadikan sukan itu lebih memberi kesan positif, terdapat sedikit perubahan dilakukan pada tahun

ini di mana hanya beberapa sukan popular dan sesuai dengan kemudahan yang ada dipertandingkan.

“Berbeza dengan edisi sebelum ini di mana ianya dijalankan secara karnival, kali ini ia dianjurkan selama dua bulan. Ini bagi memberi peluang kepada staf bersukan secara aktif dan kompetitif lebih lama,” katanya.

Beliau turut mengumumkan bahawa usaha bagi menubuhkan Kelab Rekreasi Dan Sukan Staf yang baharu akan diwujudkan sebagai badan yang akan memainkan peranan penting melaksanakan aktiviti dan program berkaitan sukan dan rekreasi di kalangan kakitangan.

Kamarudin berkata, pengurusan UMS juga memikirkan untuk menjadi tuan rumah Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Awam Malaysia Ke-44 pada 2020.

“Ini difikirkan masa yang sesuai kerana UMS akan menyambut perayaan Jubli Perak (25 tahun) pada tahun depan. Sebagai rekod UMS pernah menjadi tuan rumah kejohanan itu pada tahun 2003,” katanya.

Turut bersama pada majlis itu adalah Pendaftar UMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola, No'man Datuk Haji Ahmad. Oleh VITALIS G. BINGKASAN



ISMAIL (depan lima dari kanan) bersama salah satu kontinjen yang mengambil bahagian pada Liga Sukan Staf UMS.